



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 2 DISEMBER 2024**

| <b>BIL</b>              | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                                                                                                                                                                                                      | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>                           |
|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.    | MOHAMAD AKUR, MINTA ISU TUKAR NAMA UPM DIHENTIKAN, NASIONAL, BH-8<br>MAT SABU AKUR TITAH KEMUKAKAN NAMA UPM, NASIONAL, SH-12<br>'SAYA AKUR TITAH TUANKU', LOKAL, HM-21<br>MAT SABU ACCEPTS ROYAL DECREE, NATION, NST-8                                           | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)           |
| 5.                      | SMUGGLED CHICKEN, CHILLIES SEIZED AT BORDER, NATIONAL, THE SUN-5                                                                                                                                                                                                 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6.                      | BERAS TEMPATAN DIJANGKA BERLAKU LAMBAKAN, NASIONAL, SH-12                                                                                                                                                                                                        | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)                        |
| 7.                      | PLANTING THE SEEDS FOR NEW VARIETIES TO STABILISE PRICES, NATION, THE STAR-5                                                                                                                                                                                     | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)   |
| 8.                      | 50 SYARIKAT DI EMPAT NEGERI UTAMA TAMAT PROGRAM AUM 2023, CETUSAN, SH-17                                                                                                                                                                                         | BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)                              |
| 9.<br>10.<br>11.<br>12. | PETANI TERJEJAS BAH DIBANTU SEGERA SELEPAS NILAI KERUGIAN, NASIONAL, BH-7<br>PESAWAH RISAU BERLAKU LAMBAKAN BERAS TEMPATAN, NASIONAL, BH-17<br>SASAR JERANTUT HAB BAWANG MERAH, LOKAL, HM-20<br>PEKERJA LADANG BERISIKO TERDEDAH VIRUS H5N1, DALAM NEGERI, UM-14 | LAIN-LAIN                                                       |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 2/12/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8          |

# Mohamad akur, minta isu tukar nama UPM dihentikan

**Kuala Lumpur:** Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, akur dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya nama Universiti Putra Malaysia (UPM) dikekalkan dan ia adalah muktamad.

Mohamad berkata, beliau akur dengan titah Sultan Sharafuddin yang juga Canselor UPM dan isu yang membangkitkan susulan cadangan beliau untuk menukar semula nama UPM kepada nama asalnya, iaitu Universiti Pertanian Malaysia akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

Mohamad berkata, cadangan itu dibuat selepas mengambil kira keutamaan negara kini yang tertumpu kepada isu keterjaminan makanan dan memajukan sektor pertanian negara.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, apa yang perlu menjadi fokus ketika ini adalah untuk bersama-sama dengan kakitangan UPM mengangkat lagi martabat universiti berkenaan.

selaku Canselor tidak terlebih dahulu dirujuk berkaitan sebarang cadangan pertukaran nama universiti terbabit.

Pada 15 Mei lalu, Sultan Selangor melancarkan pengenaan semua aktiviti pembangunan pertanian dan keterjaminan makanan UPM di bawah jenama Pertanian Untuk Rakyat (PUTRA).

Titah Sultan Sharafuddin itu susulan kenyataan Mohamad pada Khamis lalu, bahawa cadangan menukar semula nama UPM kepada nama asalnya, Universiti Pertanian Malaysia akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

## Syor kembalikan semula nama asal UPM ke Kabinet

Keratan akhbar BH, Jumaat lalu.

Sharafuddin menitahkan supaya nama Universiti Putra Malaysia dikekalkan. Baginda bertitah, Lembaga Pentadbir UPM serta baginda

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 2/12/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12         |

# Mat Sabu akur titah kekalkan nama UPM

**KUALA LUMPUR** - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu tidak mahu membangkitkan cadangannya sebelum ini untuk menukar semula nama Universiti Putra Malaysia (UPM) kepada Universiti Pertanian Malaysia.

Menurutnya, beliau akur dan menghormati titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Canselor universiti ber-

kenaan supaya nama universiti itu dikekalkan.

"Saya mengambil maklum bahawa keputusan yang dibuat oleh baginda Sultan Selangor dan Canselor UPM adalah muktamad.

"Saya tidak mahu memaniangkan isu ini apa-apa lagi. Saya akur dan itu adalah keputusan yang baik," katanya seperti dilaporkan portal berita selepas merasmikan Konvensyen Amanah Wilayah

Persekutuan di ibu negara pada Ahad.

Pada Sabtu, Sultan Sharafuddin bertitah tidak berkenan dengan cadangan untuk menukar nama UPM kepada Universiti Pertanian Malaysia.

Tegas baginda, cadangan tersebut tidak dirujuk terlebih dahulu kepadanya, selaku Canselor dan juga kepada Lembaga Pentadbir universiti.



MOHAMAD SABU

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 2/12/2024 | HARIAN METRO | LOKAL   | 21         |

# 'Saya akur titah Tuanku'

Oleh Zanariah  
Abd Mutalib  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**M**enteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu akur dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya nama Universiti Putra Malaysia (UPM) dikekalkan.

Mohamad berkata, beliau akur dengan titah Sultan Sharafuddin yang juga Canselor UPM dan isu yang berbangkit susulan cadangan UPM kepada nama aslinya, iaitu Universiti Pertanian Malaysia tidak perlu lagi dipanjangkan.

"Saya mengambil maklum bahawa keputusan di-

buat baginda Sultan Selangor dan Canselor UPM adalah muktamad.

"Saya tidak mahu panjangkan isu ini lagi. Saya akur dan itu adalah keputusan baik," katanya.

Beliau yang juga Presiden Amanah berkata demikian selepas merasmikan Konvensyen Amanah Wilayah Persekutuan 2024 di sini, semalam.

Pada Istiadat Konvensyen UPM ke-48 kelmarin, Sultan Sharafuddin menitahkan supaya nama Universiti Putra Malaysia dikekalkan.

Baginda bertitah, Lembaga Pertadbiran UPM serta bawaginda selaku Canselor tidak terlebih dulu dirujuk berkaitan sebarang cadangan pertukaran nama universiti terbabit.

Titah Sultan Sharafuddin itu susulan kenyataan Mohamad pada Khamis lalu, bahawa cadangan menukar semula nama UPM kepada nama aslinya, Universiti Pertanian Malaysia akan dikemukakan kepada Je-maah Menteri.

Mohamad berkata, cadangan itu dibuat selepas mengambil kira keutamaan

negara kini yang tertumpu kepada isu keterjaminan makanan dan memajukan sektor pertanian negara.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, apa yang perlu menjadi fokus ketika ini adalah untuk bersama-sama dengan kakitangan UPM mengangkat lagi martabat universiti berkenaan.

"Kita meningkatkan lagi universiti ini, dari segi peruntukan dan sebagainya yang boleh kita tambah jika ada kemampuan kewangan untuk ditingkatkan lagi bagi UPM," katanya.



**"Saya tidak mahu panjangkan isu ini lagi. Saya akur dan itu adalah keputusan yang baik"**

Mohamad Sabu

*Mohamad Sabu ambil maklum keputusan Sultan Selangor adalah muktamad*

| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------|------------|
| 2/12/2024 | NST   | NATION  | 8          |

NewStraitsTimes • MONDAY, DECEMBER 2, 2024

8

NEWS / Nation

ORDER TO RETAIN UNIVERSITY'S NAME

# MAT SABU ACCEPTS ROYAL DECREE

Sultan of Selangor has final say as UPM's chancellor

ZANARIAH ABD. MUTALIB  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**A**GRICULTURE and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, also known as Mat Sabu, has acknowledged the decree

from the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, to retain the name of Universiti Putra Malaysia (UPM).

He said he accepted the decree, as Sultan Sharafuddin was also the university's chancellor, and that the issue arising from his suggestion to change UPM's

name back to its original name, Universiti Pertanian Malaysia, should no longer be pursued.

"I acknowledge the decision made by His Royal Highness, the Sultan of Selangor and the university's chancellor. I do not wish to prolong this issue. I accept it, and it is a good decision," he said after opening the 2024 Federal Territories Amanah Convention

here, yesterday.

At UPM's 48th Convocation Ceremony on Saturday, Sultan Sharafuddin ordered that the name Universiti Putra Malaysia be retained.

The ruler said the UPM Board of Governors, and he as chancellor, were not consulted regarding any proposal to change its name.

The decree followed Mo-

hamad's announcement on Thursday that the proposal to revert UPM's name to its original name would be presented to the cabinet.

The minister had said the proposal was made in consideration of the country's current priorities, particularly food security and advancing the nation's agricultural sector.



Amanah president Datuk Seri Mohamad Sabu (second from right) attending the 2024 Federal Territories Amanah Convention in Kuala Lumpur yesterday. With him are DAP vice-chairman Teresa Kok (left), PKR vice-president Nurul Izzah Anwar and Amanah communications director Khalid Abdul Samad. NSTP PIC BY NABILA ADLINA AZAHARI

## Smuggled chicken, chillies seized at border

**ALOR SETAR:** The Quarantine and Inspection Service Department in Kedah foiled an attempt to bring in 23,000kg of frozen chicken worth RM245,640 at the Bukit Kayu Hitam cargo entrance here on Tuesday.

Its director Hisham Abu Bakar said a close inspection by an enforcement team revealed the dubious frozen chicken cuts that had an expiry date and certificate number that was different from the declared *halal* certificate.

"This is a serious violation according to Section 13 of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728), which provides up to two years' jail, a maximum fine

of RM50,000, or both. All confiscated items have been detained for further action."

In a separate case, the department foiled an attempt to bring in 16,904kg of chillies without a 3P declaration as required by the Federal Agricultural Marketing Authority at the entrance of Bukit Kayu Hitam on Saturday.

Hisham said this is a violation according to Act 728, and all goods have been seized for further investigation.

"The case is being probed under Section 11(1) of Act 728, which provides up to six years' jail, a maximum fine of RM100,000, or both."

He said strict action would be taken to ensure agricultural goods imported into the country, including plants, carcasses, fish and agricultural products, are free from the threat of harmful pests and diseases.

He said cooperation between enforcement agencies is key to ensuring compliance with the conditions and regulations set to protect the safety and health of the country's agricultural sector, Bernama reported.

"This continuous enforcement is a duty of the department to curb the illegal entry of agricultural goods that could threaten the ecosystem and health of the community."

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|----------|------------|
| 2/12/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12         |

PeSAWAH sifatkan penurunan harga beras putih import tidak seimbang

Oleh ROSLINDA HASHIM  
ALOR SETAR

**P**enurunan harga jualan beras putih import diimbangi menyebabkan berlaku lambakan beras tempatan.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, penurunan harga juga dijangka menyebabkan stok beras tempatan sedia ada di gudang tidak dapat dijual.

Menurutnya, ia akan menyebabkan pesawah mengalami kerugian kerana terpaksa menjual pada harga lebih rendah berbanding kos sebenar yang lebih tinggi.

"Harga jualan beras putih import yang diturunkan itu mungkin memberi kebaikan kepada pengguna, tetapi pengilang, pesawah dan petani menerima kesan sebaliknya.

"Ini kerana kami (pesawah) menjual beras tempatan pada harga stiling RM1,800, apabila beras import berlaku penurunan, ia akan beri kesan kepada beras tempatan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Pada Jumaat, Menteri Pertanian dan Keterjaminan



ABDUL RASHID

pada Ahad. Beliau berkata, persetujuan itu dicapai hasil perbincangan antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan Bernas baru-baru ini. Mengulas lanjut, Abdul

Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memaklumkan, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) bersetuju menurunkan harga jualan beras putih import di pintu gudang Bernas di Semenanjung Malaysia daripada RM3,000 per tan kepada RM2,800 per tan berkuat kuasa

Rashid berkata, pengurangan harga itu tidak seimbang dengan harga belian padi, menyebabkan pesawah berdepan kerugian.

"Pada masa ini pesawah terpaksa keluaran kos tinggi untuk tanaman padi, iaitu melebihi RM5,500 untuk satu hektar.

"Harga benih masih kekal sama sedangkan sepatutnya harga perlu diturunkan berdasarkan harga semasa.

"Mengapa kerajaan tidak lihat harga benih kerana kosnya tinggi. Harga beras ketika ini RM2.60 sekilogram, harga lantai benih padi adalah RM1,300 dan ia tidak relevan," katanya.

Menurutnya, untuk keseimbangan harga, perlu meng-

ambil kira tiga faktor iaitu harga belian padi, benih dan beras.

"Menurunkan harga beras putih import bukan penyelesaian kepada masalah beras tempatan, malah ia akan terus memberikan tekanan kepada pesawah," katanya.

Abdul Rashid turut mencadangkan agar kerajaan mengupkan harga beras mengikut harga semasa sekiranya tiada penyelesaian yang bersesuaian.

Tambahnya, pesawah di Perak sudah mengalami kerugian apabila kilang menerima harga RM1,400 per tan berbanding RM1,520 sebelum ini, selepas pengumuman penurunan harga berkuat kuasa.

## Beras tempatan dijangka berlaku lambakan

# Planting the seeds for new varieties to stabilise prices

**PETALING JAYA:** As Malaysians continue to grapple with the rising prices of tropical fruits, the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) has been at the forefront of developing fruit varieties to address the challenge.

"MARDI has been diligently putting in effort in research and development.

"We have made significant advancements in fruit variety development since 2019," said MARDI director-general Datuk Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

For instance, he said MARDI had introduced new, high-yielding and disease-resistant varieties such as the Bintang Mas star fruit, Mutiara Merah and Mutiara Wangi rambutan and MS16 pineapple.

"Our focus on innovation



## Spoilt for choice:

A customer selecting fresh local fruits at a stall in the city centre.  
— YAP CHEE HONG/The Star

of local farmers and foster a resilient agricultural sector.

"These innovations not only help to stabilise fruit prices but also empower farmers to be more productive and competitive," he added.

Mohamad Zabawi also said weather conditions such as heavy rainfall or drought were among factors impacting fruit production and, subsequently, influencing price hikes.

"Additionally, the high seasonal demand for fruits like durian can push up prices."

Other factors include the rising costs of agricultural input and labour and the prevalence of crop diseases that can affect fruit varieties like bananas and papaya.

"Many farmers still use traditional methods that may not maximise yield or efficiency," he said.

consumers while maintaining quality," he said in an interview.

Mohamad Zabawi said these advancements contribute to food security, support the livelihoods

and superior qualities for consumption.

"As for mango, we're exploring varieties with visually appealing red blush appearances to attract

extends beyond just increasing yields.

"For durian, pomelo and star fruit, our efforts are directed toward achieving higher yields

# 50 syarikat di empat negeri utara tamat Program AUM 2023

**SEBERANG JAYA** - Sebanyak 50 syarikat di empat negeri utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak telah menamatkan Program Agrobank Upward Migration (AUM) bagi tahun lalu.

Ia merupakan program bimbingan perniagaan kendalian Agrobank Centre of Excellence (ACE).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank dalam usaha memperkaskan usahawan tempatan yang menceburi bidang perniagaan kecil, mikro dan sederhana melalui program berkenaan.

Menurutnya, inisiatif itu bertujuan membantu usahawan mengembangkan perniagaan dan memperkukuh ekonomi mereka, terutamanya dalam industri agrikultur.

"Sebagai pengiktirafan terhadap usahawan yang telah menamatkan Program AUM, Agrobank telah menganjurkan Majlis Aspirasi Kecemerlangan yang melibatkan usahawan di bawah penyeliaan Wilayah Ekonomi Koridor

Utara (NCER). "Majlis ini meraikan lima syarikat yang berjaya menonjolkan pencapaian cemerlang dalam kategori seperti peningkatan jualan, pengembangan perniagaan, penambahan pekerjaan, penambahan kapasti teknologi dan penambahan kapasiti pembiayaan," katanya.

Aspirasi Kecemerlangan Perniagaan Peserta AUM 2023 (Utara) di Hotel Sunway di sini pada Ahad.

Tambah beliau, Agrobank menyarankan seramai 200 usahawan di seluruh negara menyertai program AUM pada tahun ini.

"Program AUM merupakan program berstruktur selama 12 bulan yang merangkumi sesi latihan kelas secara fizikal atau dalam talian serta sesi bimbingan di premis usahawan.

"Modul yang disediakan termasuk Seni Urus Kewangan, Pemasaran, Penetapan Sasaran Syarikat dan Pengurusan Bisnes Gaya Korporat," jelasnya.

Tengku Ahmad Badli berkata, modul pembelajaran ini membuka peluang kepada usahawan kecil, sederhana dan



**TENGKU AHMAD BADLI**



**Tengku Ahmad Badli (tengah) bergambar bersama wakil 50 syarikat di empat negeri utara yang telah menamatkan Program AUM bagi tahun lalu.**

mikro yang berpotensi untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"Dalam dunia perniagaan yang kompetitif, mereka dapat mengaplikasikan kemahiran dan ilmu yang diperolehi untuk menjadi usahawan berdaya saing serta memastikan kelangsungan dan pertumbuhan perniagaan yang berterusan.

"Daripada 50 syarikat yang telah menamatkan Program AUM di empat negeri utara ini, 33 syarikat mencatat peningkatan jualan melebihi 20 peratus dan

14 syarikat berjaya mendapatkan pembiayaan tambahan sebanyak RM1.148 juta," katanya.

Tambah beliau, Agrobank komited memajukan ekosistem usahawan tempatan khususnya dalam sektor agromakanan, melalui inisiatif strategik yang bukan sekadar mendorong pertumbuhan ekonomi mikro malah turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi komuniti dengan mewujudkan peluang pekerjaan.

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 2/12/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7          |

# Petani terjejas bah dibantu segera selepas nilai kerugian

Pegawai diarah lakukan banci terutama kawasan teruk dilanda banjir

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Malaizura Abd Malik  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bantuan kepada petani di negeri yang terjejas banjir akan dilakukan segera sebaik proses bancian selesai.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata beliau sudah mengarahkan pegawai di Kementerian supaya membuat bancian segera kerosakan dan kerugian yang dialami, terutama di Kelantan dan Kedah yang paling teruk dilanda bencana itu.

"Kita tengok peruntukan sedia ada dan sudah tentu pegawai kita buat dengan cepat bagi mengenal pasti kerugian mereka dan kita akan bayar dengan segera.

"Soal tambahan atau tidak (bagi bantuan), itu perlu dibincang dengan Kementerian Kewangan tapi setakat peruntukan yang ada, kita akan bagi bantuan segera kali ini.

"Saya akan ke Kelantan hari ini (semalam), manakala Ketua Setiausaha Kementerian (Datuk Seri Isham Ishak) akan ke Kedah untuk kita dapatkan maklumat sesegera mungkin bagi kita bantu mereka yang mengalami masalah," katanya.



Laluan ke Kampung Jubakar, Tumpat terputus akibat tanah runtuh berikutan banjir, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Lebih 26,000 hektar sawah ditenggelami banjir di Kelantan

Keratan akhbar BH, semalam.

Beliau yang juga Presiden AMANAH berkata demikian selepas merasmikan Konvensyen AMANAH Wilayah Persekutuan 2024, di sini, semalam.

Beberapa negeri dilanda banjir dengan Kelantan dan Terengganu mencatatkan mangsa tertinggi, manakala Kedah, Selangor, Perlis, Negeri Sembilan dan Johor turut menunjukkan peningkatan ketara.

Kelmarin, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menganggarkan lebih 26,000 hektar tanaman padi di kawasan seliaan dan luar jelapang mengalami kerosakan susulan banjir yang melanda Kelantan sejak beberapa hari lalu.

**Usah ambil kesempatan**

Sementara itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak mengambil kesempatan dengan menyorok mahupun menaikkan harga barangan keperluan ketika musim tengkujuh ini.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh, berkata pihak penguat kuasa sentiasa mengadakan pemantauan setiap hari bagi me-

mastikan tiada penyelewengan berlaku terutama di negeri terjejas banjir.

"Sekiranya ada yang mengambil kesempatan dan berlaku ke-tirisan, KPDN akan senarai hitam mereka.

"Malah, mereka tidak akan menikmati manfaat disediakan kerajaan termasuk menambah had simpanan barang kawalan dan barangan keperluan asas sehingga 30 peratus daripada had simpanan sedia ada yang dibenarkan dalam tempoh bencana," katanya, semalam.

Fuziah berkata, keperluan asas di kawasan terjejas banjir masih mencukupi dengan 2,004 peruncit terpilih daerah dan pemborong terpilih daerah seluruh negara bersedia menawarkan bantuan sokongan kepada negeri yang terputus bekalan.

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|----------|------------|
| 2/12/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17         |

Beras putih import turun harga

# PeSAWAH risau berlaku lambakan beras tempatan

**Kerajaan disyor apungkan harga ikut keadaan semasa elak rugi**

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Pesaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) bimbang penurunan harga jualan beras putih import mulai semalam, akan menyebabkan lambakan beras tempatan.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob, berkata keadaan itu juga akan menyebabkan pesawah mengalami kerugian kerana terpaksa menjual pada harga lebih rendah, walaupun kos sebenar adalah tinggi.

Katanya, selepas pengumuman berkenaan penurunan harga beras itu, pesawah di Perak Jumaat lalu, sudah mengalami kerugian apabila kilang menerima harga RM1,400 per tan berbanding sehari sebelumnya, iaitu RM1,520 bagi setiap tan.

"Saya akui penurunan harga jualan beras putih import ini beri kebaikan kepada pengguna, tetapi kepada pengilang, pesawah dan petani adalah sebaliknya.

"Kami menjual beras tempatan pada harga siling RM1,600 jadi apabila beras import berlaku pe-

nurunan, ia akan beri kesan kepada beras tempatan kerana perlu dijual lebih mahal," katanya kepada BH semalam.

Jumaat lalu, media melaporkan Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) bersetuju menurunkan harga jualan beras putih import di pintu gudang BERNAS di Semenanjung daripada RM3,000 per tan kepada RM2,800 per tan berkuat kuasa semalam.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, dilaporkan berkata persetujuan itu dicapai hasil perbincangan di antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan BERNAS baru-baru ini.

Beliau berkata, penurunan harga itu adalah selari dengan penurunan harga semasa pasaran beras dunia dan pengukuhan nilai tukaran ringgit berbanding dolar Amerika.

## Stok tak dapat dijual

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, penurunan harga jualan beras putih import itu juga dijangka akan menyebabkan stok beras tempatan sedia ada di gudang tidak dapat dijual.

"Saya dapat rasakan padi yang baru dituai baru-baru ini di gudang pasti akan berlaku lambakan dan stok tidak akan mampu dihabiskan," katanya.

Susulan itu, Abdul Rashid ber-



Pesawah ketika ini terpaksa mengeluarkan kos tinggi untuk tanaman padi, iaitu satu hektar melebihi RM2,500. (Foto fail NSTP)

harap, kerajaan membuka mata dan peka dengan masalah yang berlaku kepada pengusaha tanaman utama negara itu.

Katanya, ketika ini petani terpaksa mengeluarkan kos tinggi untuk tanaman padi, iaitu satu hektar melebihi RM2,500.

"Pengurangan harga itu jelas tidak seimbang dengan harga belian padi menyebabkan ia dalam keadaan kerugian," katanya.

Abdul Rashid berkata, dari sudut keseimbangan harga perlu babitkan tiga faktor iaitu harga belian padi, benih dan beras.

Katanya, ketika ini, harga benih tidak diusik dan masih kekal sama sedangkan sepatutnya harga itu perlu diturunkan berdasarkan harga semasa.

"Jadi sekarang mengapa kerajaan tidak melihat harga benih

yang kosnya tinggi. Harga beras ketika ini RM2.60 sekilogram, manakala harga benih padi pada harga lantai adalah RM1,300 dan ini tidak relevan," katanya.

Abdul Rashid berkata, pengurangan harga beras putih itu bukan penyelesaian kepada beras tempatan, tetapi akan terus memberi tekanan kepada pesawah.

Justeru, beliau mencadangkan kerajaan mengapungkan harga beras mengikut harga semasa dan jika harga pasaran tinggi, harga di Malaysia juga akan tinggi dan begitu juga sebaliknya.

"Bagi saya, jika harga naik atau turun berdasarkan keadaan semasa, ia akan menjadi lebih harmoni," katanya yang turut meminta kerajaan menyelesaikan masalah fleet kad pesawah yang masih berlarutan sejak Jun lalu.

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 2/12/2024 | HARIAN METRO | LOKAL   | 20         |

# Sasar Jerantut **hab** bawang merah

Jabatan Pertanian Pahang pelawa 20 peserta sertai projek tanaman di kawasan seluas 20 hektar

Oleh Mohd Rafi Mamat  
am@hmetro.com.my

## Kuantan

**D**aerah Jerantut disasarkan menjadikan hab tanaman bawang merah dengan tumpuan pada pengeluaran berskala besar yang mampu mengeluarkan hasil sepanjang tahun.

Pengarah Jabatan Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom berkata, pihaknya menyasarkan 20 peserta menyertai projek tanaman bawang dengan keluasan lebih 20 hektar di Jerantut untuk menjadi pengeluaran utama bawang di negeri ini.

Menurutnya, mereka yang berminat mengusahakan tanaman bawang boleh mendaftar dengan jabatan pertanian bagi mendapatkan khidmat nasihat termasuk kemudahan bantuan di peringkat awal projek.

Katanya, latihan secara teori dan *hands on* turut diberikan untuk mempelajari teknik menanam bawang berskala besar yang mempunyai masa depan cerah dalam pasaran tem-



PEGAWAI Pertanian Daerah Kuantan, Norain Azhar menunjukkan bawang merah yang diusahakan pekebun di Kampung Paya Bungor. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

patan.

"Jabatan memberi jaminan menyediakan insentif pada peserta selepas me-

reka menyertai kursus jangka pendek penanaman bawang. Pengetahuan amat penting dalam me-

mastikan projek tanaman bawang menemui kejayaan.

"Saya yakin dengan la-

tihan dan tunjuk ajar serta bantuan yang diberikan oleh jabatan pertanian memberi lebih peluang

usaha menjadi Jerantut sebagai hab tanaman bawang di negeri ini," katanya.

Menurutnya, dalam sektor agropelancongan, kawasan tanaman bawang turut dibuka kepada orang awam atau pelancong yang ingin melihat sendiri ladang berkenaan.

"Kita merancang mengadakan pelbagai aktiviti membabitkan tanaman bawang yang akan melengkapkan Jerantut sebagai hab penanaman bawang skala besar di negeri ini," katanya.

**"Saya yakin dengan latihan dan tunjuk ajar serta bantuan yang diberikan oleh jabatan pertanian memberi lebih peluang usaha menjadi Jerantut sebagai hab tanaman bawang di negeri ini"**

Pengarah Jabatan Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom

| TARIKH    | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 2/12/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 14         |

## Pekerja ladang berisiko terdedah virus H5N1

**PETALING JAYA:** Pekerja ladang ayam merupakan golongan yang paling berisiko terdedah kepada virus H5N1 disebabkan interaksi langsung dengan ayam yang berpotensi dijangkiti oleh burung migrasi.

Menurut Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Siti Aisah Mokhtar, penularan virus ini biasanya berlaku melalui hubungan langsung antara burung migrasi dan burung tempatan.

Kata beliau, pekerja ladang ayam merupakan antara golongan yang paling mudah dijangkiti apabila cara penjagaan ladang yang tidak bersih.

“Burung-burung ini berhenti di kawasan tertentu dan kadang kala berdekatan dengan ladang ayam. Ini meningkatkan risiko

jangkitan kepada ayam tempatan melalui kontak langsung atau persekitaran yang tercemar.

“Pekerja yang menjaga ladang ini perlu mengambil langkah utama untuk mengelakkan virus avian haiwan ini. Apabila terdapat kematian ayam yang tinggi, sekitar 10 peratus daripada jumlah populasi ladang, ia wajib dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Proses pelupusan juga mesti dilakukan mengikut piawaian yang ditetapkan untuk mengelakkan penyebaran virus,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan Malaysia berisiko tinggi dijangkiti virus H5N1 kerana kedudukan geografi negara ini yang strategik sebagai laluan migrasi burung dari Siberia, China, Mongolia, dan Korea sebelum menuju ke Asia Tenggara.